

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN  
MESYUARAT KE TIGA, PENGGAL KE DUA,  
PARLIMEN EMPATBELAS DEWAN RAKYAT**

---

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : (PASIR MAS )**

**SOALAN**

**TUAN AHMAD FADHLI BIN SHAARI [ PASIR MAS ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kes yang melibatkan bekas pembantu Timbalan Menteri Dalam Negeri yang didakwa merakam video bawah skirt seorang wanita menggunakan telefon bimbit dan kes seorang penceramah bebas yang mendakwa dirinya dipukul ketika ditahan di Penjara Kajang baru-baru ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Berkait kes yang melibatkan bekas pembantu Timbalan Menteri Dalam Negeri yang didakwa merakam video bawah skirt seorang wanita menggunakan telefon bimbit, pihak polis telah menjalankan siasatan di bawah Seksyen 509 Kanun Keseksaan dan Seksyen 14 Akta Kesalahan Kecil. Kertas siasatan telah dirujuk kepada Timbalan Pendakwaraya dan arahan pertuduhan telah diberikan pada 2 Mei 2019 untuk saspek dituduh di bawah Seksyen 509 Kanun Keseksaan iaitu mengaibkan kehormatan seseorang.

Manakala, berkaitan kes seorang penceramah bebas yang mendakwa dirinya dipukul ketika ditahan di Penjara Kajang baru-baru ini, pihak polis telah menjalankan siasatan di bawah Seksyen 323 Kanun Keseksaan dengan sengaja menyebabkan kecederaan. Kertas siasatan telah dirujuk kepada Timbalan Pendakwaraya pada 16 Ogos 2019 dan setakat ini pihak polis masih menunggu arahan selanjutnya dari TPR.